

SIARAN MEDIA

**Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC), Yayasan ROSE dan
SJ ECHO Menganjurkan Saringan Kanser Serviks Kendiri
Percuma Bagi Wanita**

SUBANG JAYA, 7 Januari 2023 – Kanser serviks ialah kanser ketiga paling kerap dihadapi oleh wanita Malaysia, dengan peratusan kes yang dikesan lewat bertambah setiap tahun.

Sempena bulan Kesedaran Kanser Serviks pada bulan Januari, Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) kini bekerjasama dengan Yayasan ROSE (ROSE), sebuah pertubuhan bukan keuntungan, untuk memberi tumpuan pada pembasmian kanser serviks menerusi advokasi pengesanan awal di negara ini, dan SJ ECHO, sebuah platform komuniti tempatan, untuk membantu menyebarkan maklumat dalam kalangan masyarakat sasaran dan menganjurkan program saringan kanser serviks sendiri (DIY) secara percuma.

Menerusi program '**If Not Now, When? #endcervicalcancer**' (Jika Bukan Sekarang, Bila Lagi? #hapuskankanserserviks) yang dilancarkan hari ini, 300 kit swab pensampelan sendiri PCR Papilomavirus Manusia (HPV) diedarkan kepada wanita di Subang Jaya. Lima pangsapuri Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang terletak di PJS7, Angsana USJ1, Sri Tanjung USJ16, SS13, dan SS19/7 terbabit dalam program bantuan ini dengan kerjasama *SJ ECHO*.

YB Michelle Ng, Ahli Dewan Undangan Negeri Subang Jaya, dan YB Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, turut hadir di majlis pelancaran program di Angsana USJ1.

Subang Jaya Medical Centre
Owned by RSD Hospitals Sdn Bhd (181788-D)

1, Jalan SS12/1A
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telephone: +60 3 5639 1212

www.subangjayamedicalcentre.com

Bryan Lin, Ketua Pegawai Eksekutif SJMC berkata, "Kanser serviks sering dikenali sebagai 'pembunuh senyap' memandangkan penyakit ini berkembang secara perlahan-lahan tanpa amaran atau gejala awal. Program "If Not Now, When? #endcervicalcancer" bertujuan membawa perubahan bermakna kepada masyarakat dengan menjadikan saringan kanser serviks sesuatu yang mudah dilakukan dan diterima secara lebih meluas oleh kaum wanita, yang mungkin tidak begitu maklum tentang keseriusan penyakit ini. Sebagai penyedia penjagaan kesihatan, kami perlu memainkan peranan kami untuk membebaskan rakyat Malaysia daripada kanser serviks dengan memberi peluang kepada mereka untuk menjalani saringan."

SJMC telah membuka kemudahan saringan bergerak di atas trak di kawasan-kawasan yang turut serta untuk memudahkan orang ramai. Wanita Malaysia berumur lebih daripada 30 tahun yang memenuhi kriteria kelayakan akan diajar cara untuk melakukan ujian sendiri. Menggunakan satu swab mudah, sampel akan dihantar ke Makmal ROSE untuk ujian PCR HPV dengan keputusan dimaklumkan menerusi SMS dalam masa tiga minggu.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), rawatan awal amatlah penting tetapi penyertaan dalam program saringan dan pencegahan masih rendah di Malaysia. ROSE ditubuhkan bagi menyahut seruan WHO untuk mengurangkan kejadian kanser di negara ini.

Profesor Dr. Woo Yin Ling, Pengasas dan Pemegang Amanah Yayasan ROSE berkata "Ramai wanita tidak menjalani saringan kanser serviks secara berkala dengan dua pertiga daripada kes dikesan pada peringkat yang lewat. Berbeza daripada ujian *pap smear* yang invasif dan menyakitkan, wanita Malaysia kini boleh diuji menggunakan strategi saringan serviks kami yang inovatif dan tersendiri yang dinamakan Program ROSE, iaitu **Removing Obstacles to cervical ScREening** yang bermaksud Meniadakan Halangan Kepada Saringan

Subang Jaya Medical Centre
Owned by RSD Hospitals Sdn Bhd (181788-D)

1, Jalan SS12/1A
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telephone: +60 3 5639 1212

www.subangjayamedicalcentre.com

Serviks, dengan membekalkan alat untuk melakukan swab sendiri yang mudah, sebagai satu cara yang pantas, ringkas dan berkesan.”

“Kemudahan bergerak SJMC dapat melakukan saringan kanser serviks atas dasar “kami mengunjungi anda”. ROSE bersyukur dan mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan SJMC serta *SJ ECHO* untuk memastikan wanita di Subang Jaya boleh memanfaatkan kemudahan ini.”

Program ROSE telah ditubuhkan khusus untuk wanita Malaysia dan menggunakan pendekatan saringan kanser serviks yang serba maju. Kaedah ini menggabungkan pensampelan sendiri, ujian HPV primer dan platform kesihatan digital menggunakan teknologi mudah alih bagi memastikan wanita yang memerlukan rawatan susulan boleh mendapatkan perhatian yang sewajarnya. Setakat ini, ROSE Foundation telah berjaya menyaring lebih daripada 21,000 wanita di seluruh Malaysia.

Menurut pengarang urusan *SJ ECHO* TH Teoh, inisiatif ini penting sebagai kaedah pengesanan awal bagi kanser serviks. “Pengesanan awal boleh mencegah kanser daripada berkembang dan menyelamatkan nyawa, terutamanya bagi mereka yang tidak sedar atau tiada cara untuk mendapatkan saringan. Hasil kerjasama ini, kami boleh menawarkan ujian ini kepada masyarakat secara percuma. Terima kasih kepada SJMC dan Yayasan Rose kerana menjayakan usaha proaktif ini.”

Sasaran Strategi Membasmi Kanser Serviks WHO bagi 2030 termasuk memastikan 90% kanak-kanak perempuan menerima vaksin HPV sebelum umur 15 tahun, 70% daripada wanita disaring dengan ujian prestasi tinggi sebelum umur 35 tahun dan sekali lagi apabila

mencecah umur 45 tahun, dan 90% daripada wanita yang disahkan menghidapi penyakit ini diberikan rawatan.

-tamat-

MENGENAI SUBANG JAYA MEDICAL CENTRE

SJMC ialah hospital terulung bagi Ramsay Sime Darby Health Care, sebuah usaha sama antara Ramsay Health Care, Australia dan Sime Darby, Malaysia dengan reputasi cemerlang sebagai salah satu pusat perubatan yang dipercayai yang terkenal kerana hasil klinikal yang dicapai. Hospital ini ialah hospital pakar berbilang disiplin pemenang anugerah dengan kemudahan 444 katil yang menyediakan penjagaan komprehensif dan kompleks dalam semua bidang kepakaran.

Kemudahan ini merupakan salah sebuah hospital Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI) di Malaysia dan mempunyai akreditasi daripada Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH). Makmal SJMC juga diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi MS ISO 15189 sejak 2009. Sebagai hospital pakar pilihan, SJMC menerima pesakit tempatan di Malaysia dan pesakit antarabangsa di Asia Pasifik.

MENGENAI RAMSAY SIME DARBY HEALTH CARE

Ramsay Sime Darby Health Care (RSDH) dimiliki bersama oleh Sime Darby Berhad dan Ramsay Health Care. Portfolio RSDH di Malaysia meliputi Subang Jaya Medical Centre, Ara Damansara Medical Centre, ParkCity Medical Centre dan Bukit Tinggi Medical Centre. RSDH juga mengendalikan tiga hospital di Indonesia, iaitu RS Premier Bintaro, RS Premier Jatinegara dan RS Premier Surabaya. RSDH berpegang pada prinsip menyediakan penjagaan pesakit berkualiti tertinggi, berpandukan cogan kata, "Insan menjaga insan". Dengan teknologi hebat, kemudahan terkini dan perunding berpengalaman meliputi pelbagai kemudahan, pasukan penjagaan kesihatan berpengalaman RSDH komited untuk menyediakan kualiti terbaik dari segi penjagaan pesakit, keputusan klinikal dan juga kesejahteraan kakitangan dan doktor pakar, sambil menjaga kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

MENGENAI ROSE FOUNDATION

ROSE Foundation ialah sebuah pertubuhan bukan keuntungan yang diasaskan pada 2019 dengan wawasan untuk menghapuskan kanser serviks (pangkal rahim) di Malaysia. Misi yayasan ini ialah menyediakan saringan serviks kepada kalangan wanita di Malaysia menggunakan pendekatan Program ROSE yang unik dan inovatif khususnya golongan memerlukan yang kurang menerima khidmat saringan. Maklumat lanjut tentang ROSE Foundation boleh didapati di <https://www.programrose.org/>

Subang Jaya Medical Centre
Owned by RSD Hospitals Sdn Bhd (181788-D)

1, Jalan SS12/1A
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telephone: +60 3 5639 1212

www.subangjayamedicalcentre.com